

Projek rumah Pasdec Damansara dijadual siap akhir Disember

KUANTAN: Pasdec Holdings Berhad (Pasdec) mengumumkan projek Pasdec Damansara di Bandar Damansara, dekat sini, iaitu salah satu projek yang dibangunkan anak syarikatnya Pasdec Corporation Sdn Bhd, berjalan lancar.

Pengarah Urusan Kumpulan Pasdec, Yusof Ali, berkata pembinaan fasa pertama projek itu membabitkan 187 unit rumah teres satu setengah tingkat, rumah dua tingkat jenis A dan B mencaip kemajuan fizikal keseluruhan projek 70 peratus.

"Projek itu dijangka siap sepenuhnya pada akhir Disember tahun ini seperti dijadualkan.

"Pelancaran jualan dibuat pada Jun

2006 oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pusat Pertumbuhan, Datuk Ir Mohd Soffi Abdul Razak dan dijangka diserahkan kepada pembeli pada Jun 2008," katanya di sini, kelmarin.

Beliau berkata, pelaksanaan projek itu berjalan dengan baik dan menafikan laporan kononnya projek itu tersenarai dalam projek terbengkalai di Pahang.

Selasa lalu, Soffi ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri Inderapura, Shafik Fauzan Sharif berkata, projek perumahan Pasdec Damansara serta dua lagi projek, iaitu perumahan Rompin Permai dan Taman Alam Perdana dikategorikan sebagai sakit.

Yusof berkata Laporan Status Terkini yang dikeluarkan Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertarikh 16 Ogos 2007 mengesahkan kedudukan sebenar status projek itu yang berjalan lancar.

Katanya, Pasdec Damansara adalah projek berprestij di tepi tasik di atas tanah Hakmilik Kekal bernilai RM623 juta dan akan dibangunkan dengan 1,033 unit rumah satu setengah tingkat dan dua tingkat serta rumah berkembar dan sesebuah (1,167 unit).

Beliau berkata, bagi memanfaatkan pembeli rumah di kawasan itu dan menarik lebih ramai pembeli, Pasdec memperuntukkan kira-kira RM5 juta bagi membina jalan bertingkat di pintu masuk utama Damansara di Jalan Pintasan Kuantan-Kemaman.